

24 FEB 2003

NAM: PEMIMPIN NAM TIDAK PUTUS-PUTUS BERTEMU DR MAHATHIR

KUALA LUMPUR, 24 Feb (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad selaku pengerusi baru Pergerakan Negara-negara Berkecuali (NAM) hari ini begitu sibuk kerana selain mengadakan perjumpaan dua hala dengan 11 pemimpin, beliau juga mempengerusikan Sidang Kemuncak ke-13 NAM di sini.

Dr Mahathir menghadiri majlis perasmian sidang kemuncak itu di Pusat Dagangan Dunia Putra di sini pagi ini dan mempengerusikan mesyuarat itu sehingga 3 petang sebelum meluangkan masa mengadakan perjumpaan dua hala berkenaan di bilik bersebelahan.

Pemimpin pertama yang mengadakan perjumpaan dengan beliau ialah Presiden Pakistan Pervez Musharraf diikuti Presiden Filipina Gloria Macapagal Arroyo, Perdana Menteri Bahrain Shaikh Khalifa Salman Al-Khalifa, Presiden Timor Leste Xanana Gusmao dan Presiden Algeria Abdelaziz Bouteflika.

Beliau kemudian bertemu Presiden Afghanistan Abdul Hamid Karzai, Presiden Sri Lanka Chandrika Bandaranaike Kumaratunga, Presiden Vietnam Tran Duc Luong, Perdana Menteri Bangladesh Begum Khaleda Zia dan Perdana Menteri Lubnan Rafic Hariri.

Perbincangan dua hala Dr Mahathir bagi hari ini berakhir dengan perjumpaan dengan Presiden Perhimpunan Agung Rakyat Korea Utara Kim Yong Nam.

Sejurus selepas perjumpaan berkenaan, masing-masing selama 20 minit, Dr Mahathir bergegas semula ke dewan tempat berlansungnya sidang kemuncak itu untuk meneruskan tugasnya mempengerusikan perhimpunan itu.

Malam ini Dr Mahathir akan meraikan pemimpin-pemimpin berkenaan dalam satu majlis makan malam di Hotel Palace of Golden Horses di Seri Kembangan yang terletak di pinggir ibu kota.

-- BERNAMA

AZH SR MAM RHM